

Aktiviti : Kelas Kita, Data Kita TP 6

Bahan : Kad manila/ kertas graf, sticker/ pelbagai simbol (untuk carta gambar), penanda warna, lembaran soal selidik dan carta kosong (disediakan guru)

Arahan:

1. Guru menyenaraikan tajuk menarik untuk pengumpulan data, contohnya:
 - (a) Jenis buah kegemaran
 - (b) Warna baju yang dipakai hari ini
 - (c) Alat tulis yang paling kerap digunakan
 - (d) Sukan permainan kegemaran
2. Murid dibahagikan kepada kumpulan kecil (3 hingga 4 orang).
3. Setiap kumpulan menerima tajuk kajian mini yang berbeza dan dikehendaki menjalankan kajian mini dengan menemu bual rakan sekelas (gunakan lembaran soal selidik mini).
4. Kumpulan murid akan mengumpul dan merekod data.
5. Murid membina carta gambar atau piktograf berdasarkan data yang dikumpul (boleh guna pelekat, lukisan kecil atau tanda warna).
6. Pembentangan kumpulan: setiap kumpulan akan menerangkan:
 - (a) Tajuk data mereka
 - (b) Carta yang dibinaHasil dapatan dan analisis ringkas (contoh: “ramai suka warna biru”).